

PM jumpa pemimpin Islam negara lenyapkan kebimbangan penganut agama itu

# Isu daging halal Perancis

**PARIS** 8 Mac - Perdana Menteri Perancis, Francois Fillon mengadakan pertemuan dengan pemimpin agama Islam negara ini dalam usaha melenyapkan kebimbangan penganut agama itu berikutan kritikan terhadap penyediaan daging halal.

Pertemuan tersebut diadakan susulan kepada isu penyediaan daging halal di Perancis termasuk satu kenyataan beliau dalam satu temubual dengan stesen radio Perancis minggu ini yang meminta semua agama 'menghayati' apa yang di gelar sebagai tradisi ketinggalan zaman.

Kenyataan itu meningkatkan lagi ketegangan arena politik negara ini, lebih-lebih lagi isu daging halal turut menjadi topik utama oleh calon-calon pilihan raya Presiden yang akan bermula bulan depan.

Kenyataan Perdana Menteri itu disifatkan oleh pelbagai pihak sebagai melampau.

Presiden Perancis, Nicolas Sarkozy baru-baru ini secara terbuka mengkritik cara penyediaan daging halal dan pengurangan imigrasi bagi menarik sokongan pengundi berhaluan kanan, dalam usaha meningkatkan sokongan kepadanya dalam

**6** Kenyataan itu meningkatkan lagi ketegangan arena politik negara ini, lebih-lebih lagi isu daging halal turut menjadi topik utama oleh calon-calon pilihan raya Presiden yang akan bermula bulan depan

pilihan raya Presiden akan datang.

Ketika ini, sekurang-kurangnya lima juta orang beragama Islam tinggal di negara ini.

Tinjauan ke atas pilihan raya Presiden yang pusingan pertamanya akan diadakan pada 22 April ini dan pusingan kedua pada 6 Mei ini mendapati, Sarkozy menerima tenterangan hebat daripada calon Parti Sosialis, Francois Hollande.

Sarkozy cuba menarik sokongan pengundi berhaluan kanan yang menyokong calon Barisan Nasional, Marine Le Pen. - AP



GAMBAR fail bertarikh 21 Februari ini menunjukkan satu pemberitahuan 'Daging Halal Dijual di Sini' di pintu masuk rumah penyembelihan di pasar basah Rungis, berhampiran Paris. - AFP